

SELASA (6 FEBRUARI 2018)

MUKASURAT 4



AHMAD SHABERY CHEEK menyampaikan replika cek RM3,349,000 kepada wakil TEKUN Selangor, Aziz Ahmad dalam Majlis Perasmian Seminar Asas Keusahawanan Negeri Selangor dan pelancaran Aplikasi Mudah Alih 'TEKUN PAY' di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN

## TEKUN sedia RM250 juta bantu wanita

**PUTRAJAYA 5 Feb.** - Sebanyak 50 peratus atau RM250 juta daripada peruntukan RM500 juta yang diterima Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional melalui Bajet 2018 akan disalurkan kepada golongan wanita.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, langkah itu diambil sejajar dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan golongan wanita pada tahun ini melalui pelbagai inisiatif.

Menurutnya, kajian juga menunjukkan corak pembayaran balik pinjaman golongan wanita lebih baik berbanding lelaki namun, pihaknya tidak akan me-

minggirkan sebarang permohonan sekiranya layak untuk dipertimbangkan.

"Kita mengambil inisiatif memperuntukkan 50 peratus pinjaman kepada golongan wanita bagi merancakkan lagi tahun memperkasakan golongan itu selain meningkatkan keupayaan mereka dalam perniagaan."

"Bajet 2018 menyaksikan peruntukan paling tinggi pernah diterima TEKUN Nasional. Saya yakin peruntukan ini dapat meningkatkan lagi keupayaan usahawan mikro," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan aplikasi TEKUN Pay di sini hari ini.

Yang hadir sama, timbalan-

nya, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman dan Pengurus TEKUN Nasional, Datuk Nor Azita Abdul Rahman.

Menurut Ahmad Shabery, kerajaan melalui TEKUN Nasional telah menyalurkan dana pembiayaan perniagaan bagi membantu golongan peniaga kecil untuk memulakan dan mempertingkatkan perniagaan sedia ada sejak 20 tahun lalu.

"Sejak ditubuhkan, TEKUN Nasional telah memberi pembiayaan perniagaan sebanyak RM4.99 billion kepada 402,259 orang usahawan iaitu 185,434 peminjam lelaki dan 216,825 peminjam wanita," katanya.